

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 30.12.2025 MASA: 9.30MLM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN  
AHLI MAJLIS  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
TAHUN 2026

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**2 JANUARI 2026 (JUMAAT)  
9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid**

Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan  
Bandar & Desa

**Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**

Datuk Bandar Seberang Perai

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau  
Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan Negeri Pulau Pinang**

**Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia  
MADANI,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang amat bermakna dan penuh simbolik ini, iaitu **Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi Tahun 2026**. Hari ini bukan sekadar satu acara rasmi, malah merupakan **detik amanah, detik ikrar, dan detik permulaan tanggungjawab besar** dalam mencorak masa hadapan Seberang Perai.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**, Ketua Menteri Pulau Pinang; **Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; **Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri; Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Rakyat**; barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis; Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan; rakan-rakan media; serta

semua yang hadir bersama-sama bagi menyempurnakan majlis yang bersejarah ini.

3. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan penting sebagai teras pembangunan bandar dan kesejahteraan rakyat. Ahli Majlis pula berfungsi sebagai penghubung antara MBSP dan masyarakat, menyampaikan suara rakyat serta memastikan setiap keputusan yang dibuat memberi manfaat kepada kesejahteraan bersama. Kepimpinan yang berintegriti dan berwawasan menjadi kunci kejayaan sesebuah bandaraya.
4. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Majlis yang telah menamatkan perkhidmatan mereka khususnya bagi tahun 2025. Segala sumbangan, komitmen dan dedikasi yang telah dicurahkan amatlah dihargai dan akan terus dikenang sebagai legasi perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai.
5. Untuk makluman, MBSP telah menerima senarai **24 Ahli Majlis bagi Tahun 2026** daripada **Pihak Berkuasa Negeri (PBN) Pulau Pinang** selaras dengan **Seksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976**, bagi tempoh pelantikan bermula **1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026**. Daripada jumlah tersebut, **16 orang Ahli Majlis dilantik semula**, manakala **lapan (8) orang merupakan pelantikan baharu**,

sekali gus mencerminkan kesinambungan pengalaman serta suntikan idea segar dalam tadbir urus bandaraya.

6. Saya dengan penuh rasa bangga mengucapkan syabas dan tahniah kepada lapan (8) Ahli Majlis yang baharu dilantik, iaitu:

- i. Puan Linda Ng Kerh Wei (DAP)
- ii. Encik Tan Chee Teong (DAP)
- iii. Encik Yoganraj Thever a/l Kathiravelu (DAP)
- iv. Encik Hasrul bin Husin (PKR)
- v. Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid (PKR)
- vi. Encik Anuar bin Yussoff (PKR)
- vii. YBhg. Datuk Mohd Zaidi bin Haji Said (Barisan Nasional)
- viii. Puan Chang Kim Joo mewakili NGO

Walau bagaimanapun, pada hari ini YBhg. Datuk Mohd Zaidi Bin Haji Said tidak dapat bersama kita dan Majlis Angkat Sumpah buat beliau akan diadakan pada 6 Januari 2025 ini. Pelantikan ini bukan sekadar satu penghormatan, malah merupakan **amanah besar rakyat Seberang Perai**. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat melangkah seiring dengan MBSP, menyumbang kepakaran, idea dan tenaga demi memastikan pembangunan bandaraya ini terus inklusif, mampan dan berdaya saing.

7. Dalam masa yang sama, MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada lapan (8) Ahli Majlis yang tidak lagi bersama kita:
- i. Encik Cheen Goon Hooi (Benard) (DAP)
  - ii. Encik Ng Wai Leong (DAP)
  - iii. Encik Ng Yee Siang (David) (DAP)
  - iv. Puan Nur Aishah binti Zainol (PKR)
  - v. Encik Azman bin Rahim (PKR)
  - vi. Encik Mohamad Aisamuddin bin Mohamad Kaman (PKR)
  - vii. YBhg. Dato' Omar bin Hamid (Barisan Nasional)
  - viii. Encik Benson Neoh Kah Wei mewakili NGO
8. Segala sumbangan, pandangan dan usaha gigih yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan adalah tidak ternilai. Sesungguhnya, jasa bakti tuan-tuan dan puan-puan akan terus menjadi inspirasi kepada barisan kepimpinan MBSP dalam meneruskan agenda pembangunan bandaraya. Semoga segala kebaikan yang telah dilakukan diberikan ganjaran oleh Allah SWT.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Marilah kita bersama-sama menggalas amanah ini dengan penuh iltizam, memperkukuh budaya kerja berpasukan yang proaktif, inovatif dan inklusif. Saya berharap agar kepentingan dan kebajikan rakyat terus menjadi keutamaan dalam setiap tindakan, selaras dengan hasrat menjadikan **Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**.
10. Akhir kata, kejayaan MBSP hanya dapat dicapai melalui **kerjasama erat dan sinergi** antara Ahli Majlis, warga kerja MBSP dan komuniti setempat. Saya yakin dengan keikhlasan dan komitmen bersama, MBSP akan terus melangkah maju sebagai sebuah bandaraya yang progresif dan berdaya tahan.

**Sekali lagi, tahniah atas pelantikan ini dan terima kasih atas sokongan berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta seluruh warga MBSP.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***